

## CIMB Guaranteed Best FX Rates Terms and Conditions

1. The CIMB Guaranteed Best FX Rates for *Private Wealth* (“**Programme**”) is jointly organised by CIMB Bank Berhad (197201001799) (“**CIMB Bank**”) and CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872) (“**CIMB Islamic**”). CIMB Bank and/or CIMB Islamic shall herein collectively be referred to as (“**CIMB**”).

### The Programme Period

2. The Programme shall run from **1<sup>st</sup> January 2026 until 31<sup>st</sup> December 2026**, both dates inclusive (“**Programme Period**”).

### Eligibility and Qualifying Criteria

3. The Programme is open to all **CIMB Private Wealth segment (“Private Wealth”)** customers who perform (“over-the-counter”) transaction at any CIMB branches or (“CIMB Private Wealth and CIMB Preferred Call Centre”) from **Monday to Friday, banking hours, except on Federal Territory Holiday** during the Programme Period and with a **minimum transaction amount of RM10,000 per transaction (“Eligible Customers”)**. The eligibility criteria of Private Wealth customers can be viewed at CIMB’s website at [www.cimbprivatewealth.com.my](http://www.cimbprivatewealth.com.my).
4. The Programme is applicable for all foreign currencies offered by CIMB.
5. The following non-individual entities are **not eligible** to participate in this Programme: -
  - a. Sole Proprietor,-
  - b. Partnership,-
  - c. Charitable/non-profit organizations/societies,-
  - d. Corporate customers,-
  - e. Private limited companies,-
  - f. Public listed companies,-
  - g. Clubs,-
  - h. Associations and co-operatives.

### Programme Mechanics and Conditions

6. Only Eligible Customers are entitled to enjoy the Guaranteed Best FX Rates.
7. Eligible Customers must perform Outward Telegraphic Transfers via Foreign Telegraphic Transfer (“**FTT**”) over-the-counter (“**the transaction**”) at any of CIMB branches or via CIMB Private Wealth and CIMB Preferred Call Centre in order to enjoy the Guaranteed Best FX Rates.
8. The Eligible Customers shall ensure that all payments, transfers from or to other foreign currency accounts within CIMB or other banks are in compliance with prevailing provisions of the Notices on Foreign Exchange Notice (**FEN**) and direction issued by Bank Negara Malaysia pursuant to the Financial Services Act 2013 (**FSA**), Islamic Financial Services Act 2013 (**IFSA**) and amendments thereto.

9. Under this Programme, Eligible Customers can submit a claim for a reimbursement of the difference between other commercial bank Board Rate and the Guaranteed Best FX Rates given by CIMB (“Reimbursement”) in respect of the transaction that has been performed by the Eligible Customers.
10. A Board Rate refers to the exchange rate offered by any other commercial bank (“Service Provider”) in Malaysia via their digital rate board or website (desktop / mobile), and must satisfy the followings:
  - a. not be offered as result of a promotion/campaign/programme/product or being a member of any loyalty programme; and
  - b. be better than CIMB’s exchange rate; and
  - c. be available for general public viewing
  - d. available via a commercial bank’s online banking services.
11. For all CIMB branch and CIMB Private Wealth and CIMB Preferred Call Centre FTT transactions, the claim for Reimbursement submitted under this Programme are subject to a maximum cap of RM300 per customer per day with a minimum transaction amount of RM10,000.
12. The daily transaction limits by products and channels are as per below:
  - a. FTT at CIMB Branches – Unlimited daily limit.
  - b. FTT via CIMB Private Wealth and CIMB Preferred Call Centre– RM50,000 daily limit.
13. An illustration is provided below:

**Example 1: Transaction amount above RM10,000 with a max reimbursement amount cap of RM300 per customer per day**

Description	CIMB	Other commercial bank
Exchange rate of the transacted currency i.e. USD	4.4000	4.3900
Transacted amount in USD	20,000	20,000
MYR equivalent	88,000	87,800
Reimbursement	RM 88,000 – RM 87,800 = RM200 <b>Final Reimbursement amount is RM 200</b>	

**Example 2 : Transaction amount above RM10,000 with a max reimbursement amount cap of RM300 per customer per day**

Description	CIMB	Other commercial bank
Exchange rate of the transacted currency i.e. USD	4.4000	4.3800
Transacted amount in USD	25,000	25,000
MYR equivalent	110,000	109,500
Reimbursement	RM 110,000 – RM109,500 = RM500 <b>Final Reimbursement amount is RM300</b>	

14. Eligible Customers must submit the claim for Reimbursement via email to [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com) for Private Wealth customer within 3 working days of the transaction being performed and must satisfy the following:
  - a) Submission of snapshot(s)/picture taken within 1 hour from the time the transaction is performed via CIMB displaying in detail the following information:
    - I. Foreign Exchange rate of the transacted currency must be indicated clearly; and
    - II. Entity logo clearly shown; and
    - III. Date and time snapshots captured; and
    - IV. Date and time rate last updated (website only); and
    - V. URL of the Website (website only)
  - b) Submission of picture/ scan copy of CIMB Remittance Application Form displaying in detail the following information
    - I. Date and time
    - II. Transacted amount (MYR equivalent)
    - III. Exchange rate of the transacted currency
  - c) All snapshot must be accompanied by the following details:
    - I. Full Name; and
    - II. Last 4 digit of transacted account with CIMB; and
    - III. Contact number; and
    - IV. Indicate email subject matter: **CIMB-Guaranteed Best FX Rates Reimbursement**
15. Total of RM10,000 (“**Reimbursement Limit**”) will be reimbursed to Eligible Customers on a first come first serve basis. Once the Reimbursement Limit has been met, CIMB shall give notice to the Eligible Customers through any one of the means of communication stated in Clause 26.
16. CIMB will review and process valid claim within 60 calendar days from the time of receipt of claim by CIMB at email address [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com) provided all required information and documents (as defined in Clause 14) are duly submitted.
17. All snapshots and submitted evidences are subject to verification by CIMB.
18. CIMB will not accept snapshot or other submitted evidence that cannot be independently confirmed by CIMB.
19. Eligible Customers who have successfully submitted a valid claim for Reimbursement will be notified via email and the Reimbursement amount will be credited into their deposit account used for the transaction within 60 days from the time of receipt of claim by CIMB (as defined in Clause 16).

## General Terms and Conditions

20. The Eligible Customers agree that by participating in the Programme, they:
- a) are required to read and understand these Terms and Conditions;
  - b) have accessed, read and confirm their agreement to these Terms and Conditions
  - c) confirm that the key contract terms affecting their obligations have been adequately explained to them;
  - d) consent to CIMB processing and disclosing their personal data as well as any personal data of any individual which the Eligible Customers may share with CIMB in accordance with the CIMB Group Privacy Notice at [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - e) agree that all decisions reasonably made by CIMB in relation to every aspect of this Programme shall be final, binding and conclusive; and
  - f) agree that CIMB shall not be liable or held responsible to the Eligible Customers if CIMB is unable to perform in whole or in part any of its obligations in these Terms and Conditions attributable directly or indirectly to:
    - (i) the failure of any mechanical or electronic device, data processing system or transmission line;
    - (ii) electrical failure;
    - (iii) industrial dispute, war, strike or riot;
    - (iv) any act of God beyond CIMB's control; or
    - (v) any factor which is beyond CIMB's reasonable control.
21. The Eligible Customers will be disqualified from participating in the Programme and/or the Reimbursement will be forfeited if, during the Programme and/or before crediting the Reimbursement:
- a. The Eligible Customers are in breach of the Terms and Conditions governing FTT.
  - b. The FTT transaction is terminated or closed or be made subject to any attachment, adverse orders made by the Court or any authorities sanctioned by laws; or
  - c. The FTT transaction is delinquent, invalid or cancelled by the Eligible Customers or CIMB.
22. CIMB shall have the right to disqualify any Eligible Customers that it determines to be:
- a) tampering with the application process; and/or
  - b) acting in breach of these Terms and Conditions.
23. CIMB shall have the right to extend, shorten, discontinue, cancel, terminate or suspend the Programme by giving fourteen (14) calendar days' prior notice to the Eligible Customers via:
- (i) announcement at CIMB's website; and/or
  - (ii) notice at CIMB's Branches; and/or
  - (iii) notice at CIMB's Bank's Currency Exchange counters; and/or
  - (iv) by any other means of notification which CIMB may select.

For avoidance of doubt, CIMB shall not be liable to the Eligible Customers for any losses, damages, costs or expenses as may be suffered or incurred by the Eligible Customers as a direct or indirect result of any cancellation, suspension, shortening or extension of the Programme.

24. CIMB shall not be liable to any Eligible Customers or any party for any losses, costs or damages (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages) resulting from:
- a. The Eligible Customers' participation or non-participation in the Programme; and/or
  - b. Any non-receipt or delayed receipt by the Eligible Customers of the Short Message Service ("**SMS**") or **eDM**

unless such loss or damage arises from and is caused directly by CIMB's negligence or willful default.

25. CIMB will not be responsible for late, lost, incomplete, incorrectly submitted, delayed, illegible, corrupted or misdirected application of the FTT transaction or related correspondence whether due to error, omission, alteration, tampering, deletion, theft, destruction or otherwise unless the same is caused directly by CIMB's negligence or willful default.
26. a) CIMB shall have right to vary, add, delete or amend any of these Terms and Conditions ("**Amendment**") by giving twenty-one (21) calendar days' prior notice to the Eligible Customers via:
- (i) announcement at CIMB's website; and/or
  - (ii) notice at CIMB's branches; and/or
  - (iii) notice at CIMB's Currency Exchange counters; and/or
  - (iv) advertisement in one newspaper of CIMB's choice; and/or
  - (v) by any other means of notification which CIMB may select.
- b) The Amendment shall be considered as binding on the Eligible Customers from date as specified by CIMB in the notification.
- c) If the changes are required by law or any rules, regulations, directives, notices and guidelines ("**Regulations**") then they will take effect in accordance with the law or Regulations and CIMB will inform/give notice to the Eligible Customers about these changes as soon as possible.
- d) Eligible Customers agree to access CIMB's website at regular intervals to view the Terms and Conditions of the Programme and to ensure that they are kept up-to date with any variation to these Terms and Conditions.
27. CIMB will not be liable to the Eligible Customers for any losses, costs or damages suffered or incurred by the Eligible Customers as a direct or an indirect result of the Amendment.
28. The Eligible Customers shall fully indemnify and keep CIMB indemnified against any fee, cost, charge, expense, loss, damage or liability which the Bank may incur as a result of the Eligible Customers:
- a) participation in the Programme; and/or
  - b) receipt, redemption or use of the Reimbursement; and/or
  - c) breach or failure to comply with these Terms and Conditions
29. These Terms and Conditions:
- a) shall prevail over any provisions or representations contained in any other materials advertising the Programme; and

- b) are to be read together with the prevailing Terms and Conditions of the FTT which shall apply in addition to these Terms and Conditions.
30. These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines, Bank Negara Malaysia or other relevant regulatory bodies to which CIMB is subject.
31. If CIMB does not exercise a right that it has in these Terms and Conditions, this does not stop CIMB from exercising that right or any other rights CIMB has in the future.
32. a) Eligible Customers may contact CIMB's Customer Resolution Unit ("CRU") for any feedback and/or complaint in relation to this Programme via letter, phone call and email:
- Address: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
Telephone No: 603 6204 7788  
Email: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)
- b) CIMB may change the above contact details by notifying the Eligible Customers by way of announcement at CIMB's website at [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) or by any other means of notification which CIMB may select.
33. CIMB's website may contain links to other websites ("**Third Party Links**"). CIMB has no control over, and do not monitor or review the contents of the Third Party Links. If the Eligible Customers do click on the Third Party Links, the Eligible Customers understand that they are accessing the Third Party Links at their own risk and CIMB is not responsible for any losses the Eligible Customers may incur.
34. If the product/service relating to this Programme which the Eligible Customers have subscribed is offered by CIMB Bank, any question the Eligible Customers have will be handled by CIMB Bank. Similarly, if the product/service is offered by CIMB Islamic, Eligible Customers' concern will be addressed by CIMB Islamic.

### CIMB Guaranteed Best FX Rates

#### Terma-terma dan Syarat-syarat

1. “CIMB Guaranteed Best FX Rates for Private Wealth” (“**Program**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (197201001799) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872) (“**CIMB Islamic**”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai (“**CIMB**”).

#### Tempoh Program

2. Program akan berlangsung dari **1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Program**”).

#### Kelayakan dan Kriteria Kelayakan

3. Program adalah terbuka kepada semua **pelanggan CIMB segmen “Private Wealth”** (“Private Wealth”) yang melakukan transaksi di kaunter (“over-the-counter”) di mana-mana cawangan CIMB atau Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred (“CIMB Private Wealth and CIMB Preferred Call Centre”) dari **Isnin hingga Jumaat, waktu perbankan, kecuali pada Cuti Wilayah Persekutuan** semasa Tempoh Program dengan **jumlah transaksi minima sebanyak RM10,000 setiap transaksi** (“**Pelanggan Layak**”). Kriteria kelayakan pelanggan Private Wealth boleh dibaca di laman web CIMB pada [www.cimbprivatewealth.com.my](http://www.cimbprivatewealth.com.my).
4. Program adalah terpakai bagi semua mata wang asing yang ditawarkan oleh CIMB.
5. Entiti bukan individu seperti yang berikut adalah **tidak layak** untuk menyertai Program ini:-
  - a. Pemilikan tunggal,-
  - b. Perkongsian,-
  - c. Pertubuhan/organisasi amal/bukan berasaskan keuntungan,-
  - d. Pelanggan korporat,-
  - e. Syarikat sendirian berhad,-
  - f. Syarikat tersenarai awam,-
  - g. Kelab,-
  - h. Persatuan dan koperasi.

#### Mekanik-Mekanik dan Syarat-Syarat Program

6. Hanya Pelanggan Layak berhak menikmati Guaranteed Best FX Rates.
7. Pelanggan Layak mesti melakukan Pemindahan Telegraf Luaran (“Outward Telegraphic Transfer”) (OTT) melalui “Foreign Telegraphic Transfer” (FTT) di kaunter (“over-the-counter”) (“**Transaksi**”) di mana-mana cawangan CIMB atau di Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred (“**CIMB Private Wealth and CIMB Preferred Call Centre**”) untuk menikmati Guaranteed Best FX Rates.
8. Pelanggan Layak hendaklah memastikan semua bayaran, pemindahan dari atau kepada akaun mata wang asing yang lain dalam CIMB atau bank lain adalah selaras dengan peruntukan semasa Notis-Notis Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (**FEN**) dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank

Negara Malaysia menurut kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (**FSA**), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (**IFSA**) dan pindaan padanya.

9. Di bawah Program ini, Pelanggan Layak boleh mengemukakan tuntutan untuk pembayaran balik perbezaan di antara Kadar Kompetitif bank komersial lain dan Guaranteed Best FX Rates yang diberikan oleh CIMB ("**Pembayaran Balik**") berdasarkan transaksi yang telah dilakukan oleh Pelanggan Layak.
10. Kadar Kompetitif merujuk kepada kadar pertukaran yang ditawarkan oleh mana-mana bank komersial lain ("**Pembekal Perkhidmatan**") di Malaysia melalui papan kadar digital atau laman web (desktop / telefon bimbit) mereka, dan mesti memenuhi yang berikut:
  - a. tidak ditawarkan sebagai hasil promosi/kempen/program/produk atau menjadi ahli mana-mana program kesetiaan; dan
  - b. lebih baik daripada kadar pertukaran CIMB; dan
  - c. disediakan untuk kelihatan umum.
  - d. tersedia melalui perkhidmatan perbankan dalam talian sebuah bank komersial.
11. Untuk semua transaksi FTT di cawangan CIMB dan Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred, tuntutan Bayaran Balik yang dikemukakan di bawah Program ini adalah tertakluk kepada had maksimum RM300 bagi setiap pelanggan setiap hari, dengan jumlah transaksi minimum sebanyak RM10,000.
12. Had transaksi harian mengikut produk dan saluran adalah seperti di bawah:
  - a. FTT di cawangan CIMB – Tiada had harian.
  - d. FTT melalui Pusat Panggilan CIMB Private Wealth dan CIMB Preferred – RM50,000 had harian.
13. Ilustrasi disediakan dibawah:

Contoh 1: Jumlah transaksi melebihi RM10,000 dengan had maksimum RM300 setiap pelanggan setiap hari

Huraian	CIMB	Bank komersial lain
Kadar pertukaran mata wang yang ditransaksikan iaitu USD	4.4000	4.3900
Jumlah yang ditransaksikan dalam USD	20,000	20,000
Bersamaan dalam MYR	88,000	87,800
Pembayaran Balik	RM 88,000 –	RM 87,800 = RM200
<b>Jumlah pembayaran balik akhir adalah RM 200</b>		

Contoh 2: Jumlah transaksi melebihi RM10,000 dengan had maksimum RM300 setiap pelanggan setiap hari

Huraian	CIMB	Bank komersial lain
Kadar pertukaran mata wang yang ditransaksikan iaitu USD	4.4000	4.3800
Jumlah yang ditransaksikan dalam USD	25,000	25,000
Bersamaan dalam MYR	110,000	109,500
Pembayaran Balik	RM 110,000 – RM109,500 = RM500	
<b>Jumlah pembayaran balik akhir adalah RM300</b>		

14. Pelanggan Layak mesti mengemukakan tuntutan Pembayaran Balik melalui emel ke [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com) bagi pelanggan Private Wealth dalam 3 hari bekerja daripada transaksi dilakukan dan mesti memenuhi yang berikut:
  - a) Mengemukakan gambar (“snapshot/picture”) yang ditangkap dalam masa 1 jam dari masa transaksi dilakukan melalui CIMB yang memaparkan secara terperinci maklumat berikut:
    - I. Kadar pertukaran mata wang asing yang ditransaksi mesti ditunjukkan dengan jelas; dan
    - II. Logo entiti jelas ditunjukkan; dan
    - III. Tarikh dan masa tangkapan gambar (“snapshot”); dan
    - IV. Tarikh dan masa kadar terakhir dikemaskini (laman web sahaja); dan
    - V. URL Laman Web (laman web sahaja)
  - b) Mengemukakan gambar/salinan Borang Permohonan Pengiriman Wang CIMB yang memaparkan secara terperinci maklumat berikut
    - I. Tarikh dan masa
    - II. Jumlah transaksi (Bersamaan dalam MYR)
    - III. Kadar pertukaran mata wang yang ditransaksikan
  - c) Semua gambar (“snapshot”) mesti disertakan dengan butiran berikut:
    - I. Nama Penuh; dan
    - II. 4 digit terakhir akaun yang ditransaksikan dengan CIMB; dan
    - III. Nombor perhubungan; dan
    - IV. Nyatakan subjek emel: **“CIMB-Guaranteed Best FX Rates Reimbursement”**
15. Jumlah RM10,000 (**“Had Pembayaran Balik”**) akan dibayar balik kepada Pelanggan Layak atas dasar “layanan mengikut ketibaan” (“first come first serve”). Setelah Had Pembayaran Balik dipenuhi, CIMB hendaklah memberi notis kepada Pelanggan Layak melalui mana-mana cara komunikasi yang dinyatakan dalam Klausula 26.
16. CIMB akan menyemak dan memproses tuntutan yang sah dalam tempoh 60 hari kalendar dari masa penerimaan tuntutan oleh CIMB di alamat emel [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com) dengan syarat bahawa semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diperlukan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 14) telah dikemukakan dengan sewajarnya.
17. Semua gambar (“snapshot”) dan bukti yang dikemukakan adalah tertakluk kepada pengesahan oleh CIMB.
18. CIMB tidak akan menerima gambar (“snapshot”) atau bukti lain yang dikemukakan yang tidak boleh disahkan secara bebas oleh CIMB.
19. Pelanggan Layak yang telah berjaya mengemukakan tuntutan yang sah untuk Pembayaran Balik akan dimaklumkan melalui emel dan jumlah Pembayaran Balik akan dikreditkan ke dalam akaun deposit yang digunakan untuk transaksi dalam 60 hari dari masa penerimaan tuntutan oleh CIMB (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 16).

## Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

20. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Program ini, mereka:
- a) dikehendaki membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
  - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
  - c) mengesahkan bahawa terma utama kontrak yang mempengaruhi kewajipan mereka telah diterangkan dengan secukupnya kepada mereka;
  - d) memberi kuasa kepada Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Program ini, adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan
  - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang secara langsung atau tidak langsung adalah disebabkan oleh:
    - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
    - (ii) kegagalan elektrik;
    - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - (iv) sebarang bencana alam ("act of God") di luar kawalan CIMB; atau
    - (v) sebarang faktor yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
21. Pelanggan Layak akan hilang kelayakan daripada menyertai Program dan/atau Bayaran Balik akan dibatalkan jika, semasa tempoh Program dan/atau sebelum Bayaran Balik dikreditkan, mana-mana perkara berikut berlaku:
- a. Pelanggan Layak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal pemindahan FTT.
  - b. Transaksi FTT adalah ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
  - c. Transaksi FTT adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.
22. CIMB mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang ia ditentukan telah:
- a) Mengganggu proses permohonan; dan/atau
  - b) Bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
23. CIMB mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Program dengan memberikan notis seawal empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:
- a. Pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - b. Notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - c. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang Bank CIMB; dan/atau
  - d. Dengan sebarang cara pemberitahuan yang boleh dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Program.

24. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak bagi sebarang kehilangan atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) disebabkan oleh:
- Penyertaan atau bukan penyertaan Pelanggan Layak dalam Program ini; dan/atau
  - Apa-apa kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Pelanggan Layak melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") atau **eDM**

melainkan kehilangan atau ganti rugi sedemikian timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian atau keingkaran sengaja dari pihak CIMB.

25. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas permohonan FTT atau surat-menyurat berkaitan yang lewat, hilang, tidak lengkap, diserahkan secara tidak betul, ditanggihkan, tidak dapat dibaca, rosak atau salah arah sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, perubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, kemusnahan atau sebaliknya melainkan semua itu secara langsung adalah disebabkan oleh kecuaiian atau keingkaran sengaja dari pihak CIMB.
26. a) CIMB mempunyai hak untuk mengubah suai, menambah, memadam atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ("**Pindaan**") dengan memberikan notis seawal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan Layak melalui:
- Pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
  - Notis di cawangan CIMB; dan/atau
  - Notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
  - Iklan di satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
  - Dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b) Pindaan hendaklah dianggap mengikat terhadap Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
- c) Jika perubahan diperlukan oleh undang-undang atau sebarang peraturan, perintah, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**"), maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan tersebut dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Pelanggan Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d) Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Program dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa pengubahsuaian Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
27. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak atas sebarang kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak akibat daripada Pindaan secara langsung atau tidak langsung.

28. Pelanggan Layak hendaklah menanggung sepenuhnya dan memastikan CIMB dilindungi daripada sebarang yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:
  - a) penyertaan Pelanggan Layak dalam Program; dan/atau
  - b) penerimaan, penebusan atau penggunaan Bayaran Balik; dan/atau
  - c) pelanggaran atau kegagalan mematuhi Terma dan Syarat ini.
  
29. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
  - a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Program; dan
  - b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa FTT yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
  
30. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan hendaklah ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia serta peraturan, garis panduan dan tatacara yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan pengawal selia lain yang berkaitan yang mana CIMB tertakluk kepadanya.
  
31. Jika CIMB tidak menggunakan mana-mana hak yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini, perkara tersebut tidak menghalang CIMB daripada menggunakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa hadapan.
  
32. a) Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Program ini melalui surat, panggilan dan e-mel:  

Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Besar Pos Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
Telefon No: 603 6204 7788  
E-mel: [contactus@cimb.com](mailto:contactus@cimb.com)
  
- b) CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
  
33. Laman web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pautan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga tersebut. Jika Pelanggan Layak mengklik pada Pautan Pihak Ketiga, mereka memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.
  
34. Jika produk/perkhidmatan berkaitan Program ini yang dilanggan oleh Pelanggan Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan daripada Pelanggan Layak akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic, sebarang pertanyaan atau kebimbangan Pelanggan Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic.